

**MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELIDIKAN DAN INOVASI
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**KERTAS CADANGAN
GARIS PANDUAN STRUKTUR GOVERNAN KUMPULAN PENYELIDIKAN
DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Kertas Cadangan ini dikemukakan kepada ahli Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (JKPIU) untuk mendapatkan perakuan dan kelulusan cadangan Garis Panduan Struktur Governan Kumpulan Penyelidikan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat JKPU Bil. 21/2017 telah bersetuju mengadakan Audit Kumpulan Penyelidikan USIM Siri 1/2017 bagi menilai tahap pencapaian Centre of Excellence (CoE) dan Kumpulan Penyelidikan di USIM.
- 2.2 Seterusnya Mesyuarat JKPU Bil. 24/2017 telah bersetuju melantik Institut Sains Islam (ISI) bagi berfungsi sebagai platform inkubator yang menggerakkan kumpulan penyelidikan di USIM secara rentas disiplin (*transdisciplinary research*). Kumpulan penyelidikan yang mencapai markah audit penilaian yang baik, boleh dinaik taraf daripada Kumpulan Penyelidikan (*Research Group*) di peringkat Fakulti ke Kluster Penyelidikan (*Research Cluster*) / Unit Penyelidikan (*Research Unit*) / Pusat Penyelidikan (*Research Centre*) di peringkat ISI. Jika pemarkahan mencapai tahap Puat Penyelidikan (Centre of Excellence) pentadbiran akan dilaksanakan secara PTj penyelidikan tersendiri di bawah TNCPI. Kedudukan Kumpulan, Unit dan Pusat di bawah ISI adalah boleh tertakluk kepada penilaian pemarkahan semasa.
- 2.3 Pada 26 Ogos 2020, ISI dengan kerjasama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) dan Perpustakaan USIM, telah mengadakan Bengkel RCoE (*Research Centre of Excellence*). Bengkel turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bagi melihat semula instrumen serta kaedah pengukuran dan penilaian Audit Kumpulan Penyelidikan USIM. Hasil daripada bengkel ini, satu instrumen audit penilaian RCoE yang baharu telah dibangunkan dan digunakan serta merta ke atas kumpulan penyelidik yang baharu bagi menentukan kategori penyelidikan mereka.
- 2.4 Susulan daripada ini, satu pelawaan telah dibuka kepada kumpulan penyelidikan baharu, semua kumpulan penyelidikan bertaraf Kluster, Unit dan Pusat (KUP) di bawah Institut Sains Islam (ISI) dan *International Fatwa and Halal Center* (IFFAH) untuk dinilai semula menggunakan instrumen audit baharu ini.
- 2.5 Sebanyak lima (5) kumpulan penyelidikan telah mengambil bahagian di dalam Penilaian RCoE 2020/2021 ini seperti berikut:
 - 2.5.1 Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ)
 - 2.5.2 Ibnu Ummi Maktum (UMMI)
 - 2.5.3 Asian Centre for Research on Drug Abuse (ACREDA)
 - 2.5.4 Institute Fatwa and Halal Research (IFFAH)

2.5.5 Islamic Finance And Wealth Management (IFWMI)

- 2.6 Hasil dan keputusan markah yang diperolehi kumpulan penyelidikan yang mengambil bahagian di dalam Penilaian RCoE 2020/2021 ini telah dibentangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat JKPU Bil. 15/2021.

3.0 ULASAN PENTADBIRAN

- 3.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 15/2021 yang telah bersidang pada 11 Mei 2021 telah bersetuju dengan cadangan penilaian penarafan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (Penilaian Penarafan RCoE) dan penstrukturan penyelidikan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Antara intipati yang ditekankan di dalam kertas kerja tersebut termasuklah penstrukturan dan pengurusan kumpulan penyelidikan baharu dan sedia ada di USIM ini.
- 3.2 Bermula tahun 2021, menerusi keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 15/2021, semua kumpulan penyelidikan baharu akan diberikan penarafan berdasarkan tahap Tier I, II dan III. Antara tahap lain yang disenaraikan juga adalah Pusat dan Institut. Markah akan diberikan berdasarkan penilaian instrumen RCOE yang diurusetiaikan oleh PPPI. Penggunaan nama Pusat dan Institut kepada kumpulan penyelidikan atau Pusat Tanggungjawab (PTj) sedia ada yang telah ditubuhkan sebelum 2021 adalah dikekalkan bagi menjaga imej dan kemaslahatan kumpulan penyelidikan tersebut.
- 3.3 Sehubungan dengan kelulusan ini, maka fungsi Institut Sains Islam Malaysia (ISI) sebagai platform inkubator yang menggerakkan kumpulan penyelidikan di USIM secara rentas disiplin (*transdisciplinary research*) adalah terbatal dan seterusnya pengurusan Kumpulan Penyelidikan Kluster, Unit dan Pusat (KUP) yang selama ini diselaras dan diselia oleh ISI adalah turut terbatal. Fungsi ISI akan berfokus kepada penyelidikan yang melibatkan penyelidikan Sains Islam dan pengukuhan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli sahaja.
- 3.4 Selaras dengan keputusan ini, penyelarasan kumpulan penyelidikan KUP yang sebelum ini diselaraskan dan dikawal selia oleh ISI akan diserahkan kembali kepada PTj asal penubuhannya. Sebagai panduan persediaan pengembalian penyelarasan kumpulan penyelidikan KUP kepada PTj asal dan juga rujukan kepada kumpulan penyelidikan lain di USIM, ISI telah mengadakan satu pertemuan bersama pihak PPPI dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Jabatan Pendaftar pada 27 April 2021 untuk membincangkan tentang pembangunan garis panduan berkaitan governan kumpulan penyelidikan yang berkaitan.
- 3.5 Hasil daripada perbincangan tersebut, Garis Panduan Struktur Governan Kumpulan Penyelidikan di Universiti Sains Islam Malaysia yang merangkumi struktur governan kumpulan penyelidikan di USIM telah dibangunkan. Garis panduan tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.
- 3.6 Objektif Garis Panduan Struktur Governan Kumpulan Penyelidikan di Universiti Sains Islam Malaysia adalah seperti berikut:
- 3.6.1 Sebagai rujukan kepada kumpulan penyelidikan baharu tentang tatacara penubuhan kumpulan penyelidikan.

- 3.6.2 Sebagai panduan kepada Fakulti/Pusat tentang tatacara pengurusan kumpulan penyelidikan.
- 3.6.3 Sebagai panduan kepada PPPI dan lain-lain PTj yang berkaitan tentang tatacara pengurusan kumpulan penyelidikan.
- 3.7 Objektif Garis Panduan Struktur Governan Kumpulan Penyelidikan di Universiti Sains Islam Malaysia adalah seperti berikut:
 - 3.7.1 Sebagai rujukan kepada kumpulan penyelidikan baharu tentang tatacara penubuhan kumpulan penyelidikan.
 - 3.7.2 Sebagai panduan kepada Fakulti/Pusat tentang tatacara pengurusan kumpulan penyelidikan.
 - 3.7.3 Sebagai panduan kepada PTj yang berkaitan tentang tatacara penubuhan dan pengurusan kumpulan penyelidikan

4.0 PERAKUAN

Ahli-ahli dengan hormatnya dimohon untuk meneliti kertas cadangan ini dan jika dipersetujui **meluluskan cadangan Garis Panduan Struktur Governan Kumpulan Penyelidikan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)** sebagaimana dikemukakan.

LAMPIRAN A

**GARIS PANDUAN STRUKTUR GOVERNAN KUMPULAN PENYELIDIKAN DI UNIVERSITI
SAINS ISLAM MALAYSIA****1.0 Penubuhan kumpulan penyelidikan**

- 1.1 Mana-mana kumpulan penyelidikan yang hendak ditubuhkan perlu diluluskan di peringkat Fakulti/Pusat selari dengan bidang kepakaran, kepentingan dan perancangan Jabatan.
- 1.2 Surat pengesahan penubuhan akan dikeluarkan oleh Fakulti/Pusat kepada Kumpulan Penyelidikan yang diluluskan penubuhannya.
- 1.3 Salinan surat pengesahan penubuhan Kumpulan Penyelidikan Tier I/II/III dan Pusat Penyelidikan di peringkat Fakulti perlu diserahkan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) bagi tujuan perekodan.
- 1.4 Penubuhan Kumpulan dan Pusat Penyelidikan perlu dimaklumkan sewaktu mesyuarat JKPIU oleh pihak Fakulti.
- 1.5 Penubuhan kumpulan penyelidikan bertaraf Institut perlu melalui JKPIU, setelah melalui proses penilaian RCOE yang dilaksanakan oleh PPPI dan mendapat kelulusan JKPU sebagai sebuah PTj Penyelidikan.
- 1.6 Surat pengesahan penubuhan kumpulan penyelidikan bertaraf Institut akan dikeluarkan oleh Pejabat TNCPI selari dengan bidang kepakaran, kepentingan dan perancangan Jabatan menerusi penilaian yang dilaksanakan oleh PPPI.
- 1.7 Penubuhan kumpulan dan pusat penyelidikan di Fakulti serta Institut Penyelidikan di peringkat Universiti akan dimaklumkan dari semasa ke semasa di peringkat Senat.

2.0 Keahlian

- 2.1 Lantikan Ketua Kumpulan Penyelidikan hendaklah mendapat kelulusan Pengurusan Fakulti/Pusat.
- 2.2 Lantikan Ketua Kumpulan Penyelidikan adalah bagi tempoh dua (2) tahun.
- 2.3 Lantikan keahlian Kumpulan Penyelidikan adalah dengan cadangan daripada Ketua Kumpulan Penyelidikan dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti/Pusat, seterusnya perlu dimaklumkan kepada PPPI bagi tujuan perekodan.
- 2.4 Sebarang penambahan, pengguguran atau penarikan diri ahli kumpulan penyelidikan hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti/Pusat dan perlu dimaklumkan kepada PPPI bagi tujuan perekodan.
- 2.5 Surat rasmi berkenaan status keahlian akan dikeluarkan oleh Dekan Fakulti/Pengarah Pusat dan disalinkan kepada PPPI.

- 2.6 Setiap pensyarah dibenarkan menganggotai hanya satu kumpulan penyelidikan sebagai ahli tetap dan tiada had untuk menyertai mana-mana kumpulan penyelidikan yang lain sebagai ahli bersekutu.
- 2.7 Lantikan Ketua Pusat Penyelidikan adalah daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (TNCPI) dengan cadangan daripada Pengurusan Fakulti.

3.0 Pemantauan


- 3.1 Pemantauan kumpulan penyelidikan adalah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti/Pusat mengikut format pelaporan yang disediakan oleh PPPI.
- 3.2 Fakulti/Pusat bertanggungjawab untuk menghantar dan membentangkan laporan separuh tahun dan tahunan prestasi Kumpulan Penyelidikan kepada JKPIU.
- 3.3 Pemantauan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan adalah di bawah tanggungjawab JKPIU. Pusat Kecemerlangan Penyelidikan perlu membentangkan prestasi Pusat pada setiap kali mesyuarat JKPIU.

4.0 Pembubaran

- 4.1 Fakulti/Pusat boleh membubarkan mana-mana Kumpulan Penyelidikan yang didapati tidak aktif.
- 4.2 Kumpulan Penyelidikan boleh memohon untuk membubarkan kumpulan penyelidikan yang telah didaftarkan melalui Mesyuarat Pengurusan Fakulti/Pusat.
- 4.3 Surat pengesahan pembubaran Kumpulan Penyelidikan akan dikeluarkan oleh Fakulti/Pusat.
- 4.4 Sebarang pembubaran kumpulan penyelidikan perlu dimaklumkan kepada JKPIU.
- 4.5 Pembubaran kumpulan penyelidikan bertaraf Pusat perlu mendapatkan kelulusan JKPIU.
- 4.6 Setelah mendapat kelulusan JKPIU, Pejabat TNCPI akan mengeluarkan surat pengesahan pembubaran kumpulan penyelidikan bertaraf Pusat.
- 4.7 Pembubaran kumpulan penyelidikan bertaraf Pusat perlu dibentangkan dan diperaku di JKPIU dan mendapat kelulusan Senat dan Pengurusan Universiti.

5.0 Penarafan RCoE

- 5.1 Fakulti/Pusat bertanggungjawab mengenal pasti Kumpulan Penyelidikan yang berpotensi untuk dinilai bagi Penarafan RCoE adalah melalui Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti/Pusat.
- 5.2 Penilaian akan dibuat menggunakan instrumen Penilaian Penarafan RCoE USIM.
- 5.3 Proses Penilaian (Carta Alir)
 - 5.3.1 Penilaian Kumpulan Penyelidikan Tier I/II/III dan Pusat adalah dilakukan di peringkat Fakulti/Pusat.
 - 5.3.2 Penilaian naik taraf Kumpulan Penyelidikan kepada Institut Penyelidikan dilakukan di peringkat PPPI.



5.4 Penstrukturan pengelasan penarafan berdasarkan kepada markah Penilaian Penarafan RCoE dijelaskan di bawah:

MARKAH	PENARAFAN	TADBIR URUS
80 - 100	Institut Kecemerlangan Penyelidikan	Berstatus PTj
65 - 79	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan	Fakulti
50 – 64	Kumpulan Penyelidikan Tier I	
30 – 49	Kumpulan Penyelidikan Tier II	
0 – 29	Kumpulan Penyelidikan Tier III	

6.0 Penilaian Prestasi ahli kumpulan penyelidikan yang telah melalui Penarafan RCoE

Penilaian prestasi untuk Kumpulan Penyelidikan Tier I/II/III dan yang bertaraf Pusat adalah seperti amalan sedia ada.

7.0 Pengesahan eAkademik

Pengesahan eAkademik untuk Kumpulan Penyelidikan Tier I/II/III dan yang bertaraf Pusat adalah seperti amalan sedia ada.

8.0 Kelulusan MyAkrab

Kelulusan MyAkrab untuk Kumpulan Penyelidikan Tier I/II/III dan yang bertaraf Pusat adalah seperti amalan sedia ada.

9.0 Kelulusan Cuti

Kelulusan cuti untuk Kumpulan Penyelidikan Tier I/II/III dan yang bertaraf Pusat adalah seperti amalan sedia ada.

10.0 Keahlian dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti/Pusat

Ketua Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dicadangkan untuk dilantik menjadi Ahli Mesyuarat Pengurusan Fakulti/Pusat.

11.0 Kaedah Pelaksanaan

Kaedah pelaksanaan Garis Panduan ini akan diperincikan oleh PPPI melalui siri taklimat kepada Kumpulan Penyelidikan / Fakulti dan melalui borang-borang yang akan disediakan.

12.0 Latihan dan Panduan

Garis panduan ini adalah satu bentuk latihan dan panduan bagi penggalakan dan pembudayaan kumpulan-kumpulan penyelidikan dalam mengukur prestasi sendiri dan memeta kepada penarafan peringkat kebangsaan, serantau dan global.